

10/08/2001

10 negara sertai anugerah APICT

SYARIKAT yang mengguna pakai teknologi komunikasi maklumat (IT) untuk sektor pendidikan, kesihatan, keselamatan, e-kerajaan dan perkhidmatan, aplikasi perindustrian, aplikasi perniagaan dan e-perdagangan secara meluas berpeluang memenangi anugerah Teknologi Maklumat & Komunikasi Asia Pasifik (APICT).

Anugerah ini yang dilancar oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), adalah program anugerah pertama seumpamanya yang bertindak sebagai platform mengiktiraf, mempromosi dan menggalakkan semangat inovatif dan keusahawanan sektor berkenaan.

Proses pemilihan bermula 2 hingga 22 Ogos ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan trofi bagi setiap 10 kategori pada majlis penyampaian ulung anugerah APICT yang akan diadakan di Palace of the Golden Horses, 7 September depan.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, ketika melancarkan Anugerah APICT hari ini berkata, acara ini akan membuka peluang kepada negara Asia Pasifik bagi membentuk pakatan strategik dalam ICT.

Pengerusi Eksekutif MDC, Tan Sri Datuk Dr Othman Yeop Abdullah berkata, sehingga hari ini, ia sudah menerima tajaan berjumlah kira-kira RM400,000.

Penaja anugerah itu termasuk Telekom Malaysia, Digi Telecommunications, Sistem Penerbangan Malaysia, Ming Court Vista Hotel, Cisco Systems (M) Sdn Bhd, Petronas, PICO International dan MSC Management Services.

Sehingga hari ini, 10 negara mengesahkan penyertaan mereka iaitu Australia, Brunei, Hong Kong, Indonesia, Korea, Myanmar, Filipina, Vietnam, Jordan dan Malaysia.

(END)